



kaunseling Remaja

Prof Madya Datin Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengelola Kaunseling Remaja, Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau e-mel kepada rencana@hmetro.com.my

Gadis dikecewa benci semua lelaki

SAYA mahasiswa di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan sedang mengikuti kursus yang diminati. Saya dijangka menghabiskan pengajian tidak lama lagi.

Masalahnya bukan berkaitan pelajaran tapi lebih kepada emosi yang sangat membenci lelaki. Semuanya bermula dari kisah saya putus cinta dengan bekas teman lelaki.

Dia saya anggap sebagai lelaki pertama dan terakhir. Kami menjalani kehidupan sebagai kekasih dengan penuh keindahan dan kebahagiaan. Apatah lagi bekas teman lelaki sangat tampan dan saya bangga di sampingnya.

Malangnya, selepas dua tahun bercinta, teman lelaki beralih kasih pada wanita lebih tua daripadanya. Alasan teman lelaki, wanita itu lebih berkemampuan,

matang dan mempunyai kewangan kukuh berbanding saya yang masih belajar serta hidup terkontang kanting.

Apabila dikecewakan, saya rasa hidup tidak bermakna. Saya sangat terlampau marah hingga satu tahap merasakan mereka adalah makhluk yang tidak perlu ada di dunia. Kebencian terhadap lelaki sangat mendalam hingga saya menanam tekad tidak mahu berkahwin.

Bagaimanapun, ada ketikan-ya saya akur hidup pasti ada pasangannya dan saya juga tidak mahu terus hidup bersendirian. Saya tidak mahu menghabiskan masa tua di keseorangan atau di rumah orang tua.

Bantulah saya. Bagaimana saya mahu mengubah perasaan ini?

**GADIS KECEWA,
Kuala Lumpur**

JAWAPAN

LELAKI seperti perempuan mempunyai keistimewaan, kelemahan dan kekuatan tersendiri. Sifat baik dan sebaliknya bukan saja ada pada lelaki, tapi juga pada perempuan. Cinta itu seperti madu dan racun. Ada duka dan sukanya.

Dikecewakan dan mengecewakan adalah lumrah dalam percintaan. Apabila dikecewakan, tentu sekali merasa terluka dan sakitnya akan berlanjutan. Seperti adik, apabila dikecewakan, terasa seperti semua lelaki mengkhianati adik.

Hakikatnya, yang mengecewakan adik adalah seorang lelaki, bukan semua lelaki. Akibat kecewaan, adik merasakan semua lelaki adalah makhluk yang perlu pupus.

Berfikir dan berperasaan begini hanya menambah kelukaan hati dan perasaan adik.

Lepaskan perasaan kecewa ini. Biarkan ia mengalir seperti air sungai. Biarkan ia berlalu seperti berlalunya angin. Lelaki dan perempuan saling perlu memerlukan antara satu sama lain.

Dr memahami kekecewaan adik apabila dikecewakan. Bukan mudah mengubat kelukaan hati. Biarlah masa menentukan perasaan kekecewaan adik itu. Masa adalah seperti ubat. Apabila ubat diambil dengan betul, ia boleh menyembuhkan penyakit. Apabila masa dimanfaatkan sepenuhnya, kelukaan akan terubat.

Pemikiran adik yang tidak rasional iaitu lelaki perlu dihapuskan perlu ditukar. Daripada memikirkan lelaki adalah

jahat dan perlu dihapuskan, tukar pemikiran bahawa tidak semua lelaki adalah jahat. Beritahu diri memang adik patut merasa terluka apabila dikecewakan.

Tapi ini tidak bermakna adik perlu menutup hati kepada lelaki. Adik boleh berasa kecewa tetapi tidak perlu benci kepada golongan lelaki sehingga meminta mereka dihapuskan.

Mengenai kerisauan adik hidup bersendirian, memang ada asasnya. Ini kerana perkahwinan mempunyai hikmah tersendiri. Ia adalah cara yang halal untuk menyalurkan nafsu seks manakala perzinaan liwat dan pelacuran dapat dielakkan. Ia juga bertujuan memperoleh ketenangan hidup, kasih sayang dan ketenteraman dan memelihara kesucian diri.

Dengan berkahwin, individu dapat melaksanakan tuntutan syariat dan menjaga keturunan. Perkahwinan yang murni dapat mewujudkan kerjasama dan tanggungjawab serta dapat mengeratkan silaturahim.

Hidup tidak berkahwin tidak semestinya bermakna tidak akan ada orang yang menjaga bila sudah tua. Soal penjagaan apabila sudah tua bergantung kepada banyak faktor. Soal perkahwinan adalah soal jodoh.

Namun dalam pencarian jodoh, berusaha. Berdoalah dengan konsisten dan ikhlas untuk mendapat jodoh yang terbaik. Walau bagaimana cara sekalipun, percaya dan yakinlah, pasti ketetapan Allah adalah yang terbaik. Dr doakan yang terbaik untuk adik.